



Erti kemerdekaan sebenar



KITA sudah menyambut Hari Kebangsaan yang ke-63 dan Hari Sarawak yang ke-57. Namun, adakah kita benar-benar merdeka? Penulis ingin membicarakan golongan yang miskin disebabkan kemalasan ini. Sesiapa pernah berpengalaman dalam penglibatan badan bukan kerajaan (NGO) sudah pasti memahami coretan penulis ini.

Golongan ini seakan-akan selesai dengan kemiskinan yang membolehkan mereka mendapat bantuan tanpa perlu bekerja keras.

Gambaran kehidupan yang miskin itu dilakukan bagi membolehkan segala bantuan yang diminta diperolehi dengan mudah.

Pihak kerajaan membina banyak kemudahan tempat tinggal untuk golongan miskin. Bukan sedikit, berjuta-juta ringgit sudah dibelanjakan.

Ada yang berusaha ke arah yang lebih baik, namun ada yang mengecewakan. Terdapat kita melihat keadaan sesetengah rumah itu menjadi kotor.

Segelintir dalam kalangan mereka sanggup membiarkan lalang dan rumput tidak dipotong.

Yang menyedihkan, mereka sanggup membiarkan sampah-sarap bersepah dalam dan luar rumah.

Jika dilihat, mereka pula hanya duduk bersandar dan menunggu bantuan padahal tubuh badan

mereka masih sihat.

Merdeka Daripada Kemalasan

Dr Maza memberitahu beliau terpaksa meluahkan coretan itu demi kepentingan semua.

Sebagai orang Islam, beliau memberitahu ramai orang Islam mempunyai harta yang banyak dan suka membantu.

Namun, jika kita tidak teliti dalam strategi membantu, beliau bimbang kita bukan berjaya menghapuskan kemiskinan tetapi masyarakat menjadi malas berusaha.

Merdekakan Jiwa, Emosi Dan Minda

Adakah psikologi berada di tahap baik? Kita masih lagi dalam keadaan aman walaupun terkadang pelbagai isu melanda dan menghangatkan negara.

Kadangkala takut mahu mengambil tahu isu semasa. Jika beria-ria mahu merdekakan negara, tetapi kita tidak mampu merdekakan diri dulu.

Jiwa yang sarat dengan pelbagai isu dan emosi, akan menyebabkan masalah demi masalah timbul dan tiada jalan keluar.

Kita perlu bekerja, berkarya atau berniaga dalam keadaan jiwa tenang, damai dan berjaya. Ini dikatakan memerdekakan dan bebas daripada jiwa, emosi dan minda negatif.

Dugaan Dan Cabaran

Sepanjang tempoh ancaman wabak Covid-19, ramai mengalami nasib hilang perkerjaan.

Mungkin sudah tiba masanya kita perlu berubah daripada kerja makan gaji dengan berkerja sendiri.


Tempoh permulaan memang sangat mencabar, banyak halangan dan dugaan untuk berjaya. Ramai juga tersungkur pada peringkat permulaan apabila berniaga.

Ingatlah, kejayaan bukan untuk riak atau berlagak tetapi sebaliknya anda mesti bersyukur.

Bukan bermakna anda belum berjaya, anda perlu mengalah dan jadikannya ia sebagai pembakar semangat untuk maju ke hadapan. Buang kata negatif yang dapat menjatuhkan semangat anda. Insya-Allah, Tuhan permudahkan segala urusan anda.

Jaga Kesihatan

Semoga anda sentiasa sihat dan berbahagia di samping



ke-luarga tersayang dalam negara ini yang aman dan makmur.

Alhamdulillah, sempena bulan kemerdekaan, terdapat juga berjuang menurunkan berat badan.

Ada juga berjaya memperoleh berat badan ideal. Yang paling penting ialah kesihatan diri.

Kebanyakan mereka yang berbadan besar dan obes mempunyai terlalu banyak masalah dalaman seperti kesukaran membuang air besar, sembelit, jerawat, migrain, sakit lutut, kencing manis, darah tinggi, asma dan banyak lagi.

Amalkan memakan makanan yang sihat dan juga cara Sunah

Nabi SAW.

Perjuangan Baharu Bermula

Kesimpulan, perjuangan kita baharu sahaja dimulai dengan "perang" melawan diri sendiri untuk merdeka di dunia hingga akhirat.

Tidak usah takut wahai anak muda kerana kita berjuang dengan sepenuh hati dan pastinya mencapai kemerdekaan seperti yang kalian definisikan sendiri. Jadi, bagaimana?

Sudah siapkah untuk berjuang? Maju Jalan! Merdeka!



PELBAGAI cara malah idea yang unik dizahirkan oleh rakyat negara ini untuk menunjukkan semangat cinta akan negara sempena sambutan Hari Kebangsaan ke-63. — Bernama

“Gambaran kehidupan yang miskin itu dilakukan bagi membolehkan segala bantuan yang diminta diperolehi dengan mudah. Pihak kerajaan membina banyak kemudahan tempat tinggal untuk golongan miskin. Bukan sedikit, berjuta-juta ringgit sudah dibelanjakan.”